

MAJLIS PERASMIAN SEKOLAH DALAM HOSPITAL FASA 2 & 3

18/06/2014

HOSPITAL SELAYANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat sekali lagi berhimpun dalam satu majlis yang amat bermakna ini untuk perasmian Sekolah Dalam Hospital bagi Fasa 2 dan 3. Selepas saya melancarkan Sekolah Dalam Hospital Fasa Pertama pada 26 Julai 2011, baru kini saya berpeluang untuk datang melawat ke salah sebuah Sekolah Dalam Hospital, iaitu di Hospital Selayang ini. Walau bagaimanapun, saya sentiasa mengikuti dengan rapat perkembangan serta kejayaan Sekolah Dalam Hospital melalui individu yang paling hampir dengan saya, yang juga merupakan Penaung Projek Hati Nurani: Sekolah Dalam Hospital.

2. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini, terutama kepada Dr Hj Siti Zaleha, Pengarah Hospital Selayang yang menjadi tuan rumah untuk majlis pada petang ini, dengan dibantu oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan dan juga Yayasan Nurul Yaqeen. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr Siti Hasmah kerana sudi meluangkan masa hadir pada majlis ini. Saya pasti Hospital Selayang ini amat dekat di hati Yang Amat Berbahagia Tun memandangkan beliau yang merasmikan hospital ini pada 5 September 2001.

Tan Sri, Dato'-Dato', tuan puan, hadirin yang dihormati,

Akses Kepada Pendidikan

3. Tidak ada yang lebih menggembirakan bagi seorang Menteri Pendidikan selain melihat setiap kanak-kanak di negara ini, tanpa mengira latar belakang mendapat akses terhadap pendidikan. Walau di mana sahaja mereka berada atau bagaimana pun keadaan mereka, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk memastikan kanak-kanak ini mendapat pendidikan yang sewajarnya. Kerana itu, di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, kita meletakkan akses kepada pendidikan berkualiti sebagai Anjakan Pertama, menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan amat serius dalam usaha memastikan tidak ada kanak-kanak yang ketinggalan daripada mendapat pendidikan, serta bergerak seiring dengan matlamat Pendidikan Untuk Semua (Education For All) UNESCO.

4. Selain Sekolah Dalam Hospital, Kementerian Pendidikan pada tahun 2013 telah menubuhkan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) di Chow Kit, Kuala Lumpur. Inisiatif

ini bertujuan untuk menyediakan peluang pendidikan formal dalam persekitaran yang kondusif kepada kanak-kanak jalanan dan kanak-kanak yang terbiar di sekitar Kuala Lumpur. Dengan menggunakan kurikulum kebangsaan yang diubahsuai mengikut keperluan, serta pengajaran yang bersifat hands-on, SBJK juga memberi ruang untuk kanak-kanak jalanan ini membentuk laluan kerjaya masing-masing. Buat masa ini terdapat lebih daripada 100 orang kanak-kanak jalanan yang sedang belajar di SBJK.

5. Sebelum ini, Kementerian Pendidikan juga turut menyediakan pendidikan kepada banduan muda dan pesalah juvana melalui penubuhan Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri serta Jabatan Penjara Malaysia. Kesemua ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian Pendidikan bagi memastikan anak-anak yang kurang bernasib baik terus diberikan pendidikan yang berkualiti. Inisiatif-inisiatif ini turut terkandung di dalam Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang baru sahaja saya lancarkan semalam.

Hadirin yang dihormati,

Perkembangan Penubuhan Sekolah Dalam Hospital

6. Bermula dengan hanya tiga buah Sekolah Dalam Hospital (SDH) ketika mula-mula dilancarkan dahulu iaitu di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ampang dan Hospital Serdang, kini dalam tempoh kurang daripada tiga tahun, kita telah pun mempunyai 10 buah SDH. Fasa 2 menyaksikan sekolah-sekolah ini ditubuhkan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru; Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh, Pahang; Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Cheras; dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian, Kelantan. Manakala Fasa 3 pula melibatkan penubuhan SDH di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Johor; Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM); dan juga Hospital Selayang. Inshaallah, tiga buah SDH di bawah Fasa 4 akan menyusul tidak lama lagi iaitu di Negeri Sembilan, Sabah serta Sarawak, dan dijangka mula beroperasi sebelum penghujung tahun 2014.

7. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebentar tadi, jumlah kemasukan pesakit yang berusia 5 hingga 19 tahun ke hospital-hospital di bawah KKM melebihi 200 ribu orang bagi tahun 2012 sahaja. Manakala jumlah pesakit murid yang mendapat manfaat daripada 10 buah SDH bermula daripada bulan Julai 2011 sehingga bulan Mac 2014 adalah seramai 40,568 orang. Ini menunjukkan bahawa kita perlu berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mewujudkan lebih banyak SDH secara berperingkat di seluruh negara bagi memberi manfaat kepada lebih ramai pesakit murid.

8. Walau bagaimanapun, saya bersyukur kerana sekurang-kurangnya kita telah pun menjalankan tanggungjawab kita menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak bermasalah

kesihatan. Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang telah berusaha gigih tanpa jemu demi pendidikan anak-anak kita yang berada di hospital, terutama kepada seramai 80 orang tenaga pengajar dan 18 orang Pembantu Pengurusan Murid yang sedang berkhidmat di 10 buah SDH berkenaan. Sejajurnya saya terharu dengan komitmen yang dipamerkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sekolah Dalam Hospital Sebagai Terapi Psikologi

9. Kita sering mendengar frasa "Laughter is the best medicine". Namun saya tertarik dengan motto SDH di Hospital Kanak-Kanak Evelina, London iaitu "Learning is the best medicine". Dalam konteks SDH di negara kita juga, saya merasakan bahawa frasa ini amat bertepatan sekali. Tidak dapat dinafikan bahawa pendekatan berasaskan didik hibur (fun learning) yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di SDH serta suasana pembelajaran secara santai dan menyeronokkan memberikan kesan yang amat positif terhadap proses pemulihan pesakit kanak-kanak. Dalam erti kata lain, SDH boleh dianggap sebagai terapi bagi pesakit kanak-kanak iaitu proses "rawatan" yang bukan bersifat farmaseutikal, sebaliknya menggunakan pendekatan psikologi. Ini secara tidak langsung membantu menggalakkan proses pemulihan mereka.

10. Saya difahamkan bahawa Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh ada melakukan kajian ringkas dalam kalangan murid SDH pada tahun lepas bagi melihat sejauh mana kehadiran di SDH mampu membantu mengurangkan tahap kesakitan mereka. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan pesakit murid menyatakan bahawa kesakitan mereka berkurangan selepas menghadiri sesi pembelajaran di SDH. Pesakit-pesakit ini juga lebih ceria dan lebih mudah diurus, serta mempunyai daya toleransi yang tinggi terhadap prosedur yang dijalankan ke atas mereka, selain menjalani proses pemulihan yang lebih cepat. Saya amat gembira apabila dimaklumkan bahawa ada pesakit murid yang sekarang sudah mampu tersenyum, mampu melupakan kesakitan yang dialami dan menghabiskan masa bersama rakan-rakan baru di SDH. Mungkin pada masa akan datang, Kementerian Kesihatan dapat menjalankan kajian yang lebih komprehensif bagi melihat hubungkait di antara pembelajaran di SDH dengan perkembangan klinikal pesakit.

YABhg Tun, Tan Sri, Datuk-Datuk, hadirin yang dihormati,

Pemantapan Sekolah Dalam Hospital

11. Bagi memantapkan usaha penubuhan SDH termasuk memastikan pengoperasiannya lebih teratur serta mengikut dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa di bawah Kementerian Pendidikan, saya telah pun meluluskan Penginstitusian SDH sejak bulan Oktober 2012 lagi. Ini bagi membolehkan SDH mempunyai struktur perjawatan dan

pentadbiran yang tersendiri, yang terletak di bawah pengurusan Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia, selain menentukan kurikulum, mekanisme pengoperasian, latihan guru, peruntukan kewangan pengoperasian dan bahan bantuan sokongan pembelajaran yang diperlukan.

12. Selain itu, Kementerian Pendidikan juga telah memilih Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Kota Bharu untuk dijadikan sebagai pusat latihan khusus bagi melatih guru-guru SDH pada masa akan datang. Ini bagi membolehkan Kementerian membuat perancangan yang lebih tersusun dan komprehensif untuk melatih guru-guru dengan kemahiran khusus bagi tujuan penempatan di SDH, sama ada latihan pra-perkhidmatan mahu pun dalam perkhidmatan. IPG Kampus Kota Bharu pada ketika ini sememangnya telah sedia menjalinkan kerjasama dengan bantuan tenaga pakar dari HUSM Kubang Kerian dalam aspek latihan guru SDH.

Hadirin yang dihormati,

13. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan terutama kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan di atas komitmen menyediakan ruang untuk SDH di bangunan-bangunan baru hospital yang mempunyai kapasiti katil 500 buah atau lebih. Terima kasih juga diucapkan kepada pengarah- pengarah hospital yang terlibat di atas segala sokongan dan bantuan yang diberikan kepada guru-guru SDH bagi membantu mereka memahami budaya kerja di hospital, di samping menganggap mereka sebagai sebahagian daripada warga kerja hospital.

14. Kepada semua guru SDH, sekali lagi tahniah dan terima kasih diucapkan di atas komitmen dan pengorbanan yang dicurahkan dalam mendidik anak-anak yang sedang dirawat di hospital. Saya sedar ianya bukanlah satu tugas yang mudah, kerana guru di SDH bukan sekadar menyampaikan ilmu serta kemahiran kepada murid pesakit, tetapi juga perlu sentiasa mewujudkan suasana yang mampu menceriakan mereka, agar terus bersemangat untuk meneruskan kehidupan. Namun di sebaliknya, guru-guru SDH sebenarnya bertuah kerana berpeluang meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran berhubung aspek-aspek klinikal yang tidak diperolehi di sekolah biasa.

15. Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada Jawatankuasa Projek Hati Nurani: Sekolah Dalam Hospital, Jawatankuasa Induk Sekolah Dalam Hospital yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Dr Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan, Yayasan Nurul Yaqeen serta kakitangan hospital-hospital yang terlibat termasuk Hospital Universiti, di atas segala usaha gigih tanpa jemu di dalam memastikan program Sekolah Dalam Hospital dapat terus diperkembangkan ke seluruh negara.

16. Dalam hal ini, saya ingin menyeru kepada syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain agensi untuk bersama-sama memberi sokongan kepada usaha murni ini. Kepada semua syarikat dan individu yang telah pun menghulurkan sumbangan dalam bentuk alat bantuan pengajaran dan pembelajaran, buku-buku, barang-barang permainan dan lain-lain, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan di atas sokongan dan keprihatinan anda semua.

17. Sebagai penutup, izinkan saya berkongsi satu frasa yang juga merupakan misi hospital Great Ormond Street di London, yang saya kira cukup menarik untuk diamati iaitu "The Child First and Always".

Dengan penuh kesyukuran dan lafaz Bismillāhirahmānirrahīm, saya merasmikan Sekolah Dalam Hospital Fasa 2 dan 3, serta melancarkan Video Korporat Projek Hati Nurani: Sekolah Dalam Hospital.

Sekian. Wabillāhi al-taufīq wa al-hidāyah wa al-salāmu'alaikum wa rahmatullāhi wabarakātuh. Terima kasih.